

pemindahan ilmu melalui perolehan geran dari Kementerian Pengajian Tinggi. Projek tersebut juga melibatkan pakar dari Fakulti Perubatan Veterinar (JPV) dan Fakulti Pertanian, UPM.

Penyelarasan projek ini adalah melalui Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (sekarang ini dipanggil Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), UPM.

Projek tersebut menumpu kepada meningkatkan pengetahuan penternak kambing Mukim Batu Talam, Raub, Pahang serta meningkatkan ekonomi keluarga penternak kambing.

Pemakanan juga memainkan peranan penting dalam penternakan kambing di kawasan kampung di Mukim Batu Talam yang mempunyai lima buah kampung.

Projek ini dijangka berakhir Ogos ini. Satu kelebihan pada penternak di Mukim Batu Talam ialah mereka bermula menternak atas dayausaha sendiri dan tanpa menghadiri sebarang kursus formal.

Pada peringkat pelaksanaan projek ini bilangan penternak ialah 10 orang. Kini bilangan penternak mencecah 30 orang selepas tiga siri kursus berkaitan kambing dijalankan.

Impak telah dapat yang mana sekurang-kurangnya dua orang penternak telah mencapai tahap pencapaian tertinggi iaitu lima bintang, satunya sistem pengukuran pencapaian projek komuniti yang digunakan oleh UCTC.

Keadaan persekitaran perkampungan di Mukim Batu Talam mungkin sama dengan kawasan desa lain di negara ini.

Kepadatan rumah kampung yang semakin meningkat tidak membolehkan kambing dilepas ikut suka seperti zaman lepas merdeka dulu.


Oleh yang demikian kambing hanya dapat dilepaskan pada jangkamasa yang singkat dan pergerakan kambing dikawal agar tidak mengganggu tanaman halaman jiran tetangga.

Kambing masih belum cukup kenyang apabila kembali ke kandang.

Semasa peringkat permulaan program KTP, keadaan badan kambing pada amnya tidak memuaskan.

Setelah penternak dilatih, tahap pengurusan pemakanan bertambah baik.

Susulan dengan itu kadar kelahiran



## Antara petunjuk kepada pemakanan yang baik

- Berat lahir empat kilogram.
- Berat umur sebulan mencapai atau melebihi 10 kilogram.
- Kambing Boer muda boleh dijual untuk sembelihan seawalnya pada umur lima atau enam bulan.
- Kadar beranak tiga kali dalam tempoh dua tahun mudah dicapai, dan ada di kalangan kambing yang beranak dua kali dalam setahun.
- Kadar kematian kambing yang tinggi berpunca daripada kurangnya pemberian makanan.
- Keadaan tidak lagi berlaku sepanjang tempoh projek Technofund yang mana tahap pemberian pemakanan dan pengurusan kesihatan dipertingkatkan.

kambing telah bertambah. Bilangan kambing yang dapat dijual juga meningkat dan telah dapat menyumbang kepada penambahan pendapatan keluarga.

Kejayaan ini tercapai dengan pengetahuan yang baik yang diterapkan melalui program KTP, khususnya dalam aspek pemakanan kambing.

**Penulis ialah Prof Madya Dr. Azhar Kasim yang merupakan Timbalan Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) Universiti Putra Malaysia.**



RUMPUT napier dikisar sebelum diberi makan kepada haiwan ternakan.

## Petua pemakanan guna rumput

SEKALI pandang, ramai di kalangan penternak di lima buah kampung tradisional ini tidak mempunyai kawasan tanaman rumput khususnya rumput napier tetapi kambing kelihatan baik (cukup makan).

Sebahagian ilmu lampau (*indigenous knowledge*) yang diamalkan oleh generasi dulu digunakan.

Penternak diberi kefahaman bahawa tabiat pemakanan kambing adalah *browsing* iaitu memilih daun dengan teliti sehingga yang tinggal ialah ranting.

Dedaun bukanlah semata-mata rumput tetapi pokok-pokok hijau di belakang rumah, di pinggir kampung dan di tepi jalan.

Kambing amat gemar daun pokok mahang, pokok balik angin dan beberapa jenis pokok lain seperti pokok *Glyricidia*, petai belalang dan *Acacia* yang selama ini tidak disedari di kalangan penternak.

Biasanya pokok ini dianggap sebagai semak dan dipotong dan dibakar begitu sahaja tanpa disedari khasiat pemakanannya.

Tumbuhan yang perlu dielak ialah pokok kapal terbang, paku pakis dan pokok keladi.

Walaupun bagaimanapun petua tetap ada. Dedaun pokok sebaiknya dilayukan

dulu bagi menghilangkan kesan toksik daun. Perut kambing boleh menjadi kembung sekiranya dedaun pokok tanpa dilayukan.

Keyakinan penternak meningkat dengan perolehan sedikit modal melalui penjualan kambing.

Prestasi kambing menjadi bertambah baik dengan pelaburan melalui pembelian dedak.

Pemberian dedak dengan kadar yang disyorkan oleh pakar UPM telah dapat meningkatkan prestasi kambing.

Mungkin aspek pemakanan dapat dipertingkatkan jika penternak dapat memiliki mesin pemotong supaya kadar pengambilan bahan hijau secara keseluruhan bertambah baik.

Dengan adanya jentera ini, bahan hijau dapat diracik halus dan kesemua bahagian tumbuhan (daun dan ranting) dimakan terus oleh kambing tanpa ada pembaziran.

Penglibatan pakar-pakar dari UPM dalam mentransformasikan projek kambing berskala kecil dan berskala besar dari tahap produktiviti yang rendah ke tahap produktiviti yang tinggi menunjukkan bahawa golongan akademik turut memainkan peranan penting dalam aspek transformasi komuniti.